



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**

**MAJLIS PELANCARAN SAMBUTAN MINGGU KESELAMATAN DAN
KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (OSH WEEK) 2018**

Rawang, 10 Julai – YB Dato' Mahfuz bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia telah melancarkan Sambutan Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan (OSH Week) 2018 di Perodua Learning Centre, Sungai Choh, Selangor.

Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau lebih dikenali sebagai (*OSH Week*) adalah satu acara tahunan yang disambut pada minggu ke-2 Julai setiap tahun bagi menghebahkan maklumat terkini berkaitan isu-isu keselamatan dan kesihatan serta mempromosi pembentukan dan pemeliharaan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan majikan, pekerja dan orang awam. Tema atau konsep (*OSH Week*) pada tahun ini adalah *Workplace Accident Free Week (WAFEW)* atau Minggu Bebas Kemalangan Di Tempat Kerja.

Beliau memaklumkan dalam usaha Kerajaan mewujudkan tempat kerja yang selamat dan sihat, semua pihak samada pekerja, majikan dan badan bukan kerajaan (NGO) perlu bersama-sama menjalankan program dan aktiviti yang menyumbang ke arah pengurangan kemalangan. Inisiatif bagi mengurangkan kemalangan ini adalah selari dengan prinsip peraturan sendiri atau *self regulation* yang menjadi teras Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan pada tahun 2017, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menjalankan sebanyak 269,877 pemeriksaan ke atas tempat kerja dan jentera. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak 23,006 notis telah dikeluarkan, 1,028 kesalahan dikeluarkan kompaun dan sebanyak 324 kes didakwa atas kesalahan berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Majlis turut dihadiri oleh YBhg. Datuk (Dr) Aminar Rashid bin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif PERODUA, En. Amir bin Omar, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sumber Manusia, Ir. Hj Omar bin Mat Piah, Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan Pengurusan Tertinggi Kementerian Sumber Manusia.

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
10 Mei 2018**